

**Koh Sedia Lawan Pihak Yang Pertikai Kepimpinannya
Bernama
21 Ogos 2011**

IPOH, 21 Ogos (Bernama) -- Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon bersedia untuk 'berperang' dengan pihak tertentu sekiranya mereka terus mempertikaikan kewibawaannya memimpin parti itu terutama di Pulau Pinang.

Beliau berkata pihak berkenaan di dalam dan luar parti itu yang membidas kepimpinannya adalah mereka yang tidak berpuas hati, sering membantah serta melakukan tindakan yang mencemarkan nama baiknya.

"Tunggulah kalau ada serangan lagi kita akan mempertimbangkan strategi (melawan semula) dan melaksanakan strategi itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan negeri Perak, di sini hari ini.

Beliau mengulas sasaran beberapa pihak termasuk Anggota Parlimen Bayan Baru, Datuk Seri Zahrain Mohd Hashim yang mendakwa Koh sudah tidak lagi relevan untuk memimpin Gerakan di Pulau Pinang dan dilihat sebagai liabiliti kepada parti itu.

Mengenai dakwaan Gerakan kini semakin "karam" di bawah kepimpinannya, Koh berkata parti itu sedang dibina semula selepas tsunami politik pada 2008 dan proses pembinaan semula itu menuntut lebih banyak semangat, kesabaran dan masa.

Katanya parti itu mendapat semangat dan galakan apabila 27,000 ahli baru termasuk empat anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bebas telah menyertai parti itu di seluruh negara sejak pilihan raya umum ke-12 pada Mac 2008.

Ketika ditanya adakah beliau mendapat sokongan dalam parti dan Barisan Nasional (BN), Koh berkata sokongan itu hanya dapat diuji apabila pemilihan parti diadakan dan enggan membuat spekulasi.

Selain Zahrain, Koh juga menjadi sasaran bekas naib presiden Gerakan, Huan Cheng Guan dan Presiden Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang Tan Sri Tan Kok Ping, yang berpendapat kepimpinan parti itu perlu diganti jika mahu memastikan Pulau Pinang kembali semula ke tangan BN pada pilihan raya umum akan datang.

Terdahulu itu, ketika berucap merasmikan persidangan itu, Koh berkata Gerakan kini menjadi sasaran untuk melemahkan dan "menguburkan" parti itu termasuk dirinya sendiri.

"Saya percaya, itu adalah agenda untuk melihat (perjuangan) Gerakan berakhir. Jika Gerakan tidak relevan mengapa serang Gerakan," katanya.

Beliau berkata semua anggota parti perlu meneruskan khidmat kepada rakyat dan tidak perlu pandai "bermain wayang".

Katanya Gerakan perlu mendedahkan janji kosong pembangkang selepas mengambilalih pemerintahan negeri dan pada masa sama BN perlu menunaikan janji semasa pilihan raya umum lalu jika tidak mahu 'dihukum' rakyat.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=609433>